

# ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

## Iqbāl dan Seni Sasteranya

(II)

Seterusnya al-Adib Johari Ahmad melanjutkan tulisannya mengenai syair-syair “Iqbāl” yang indah dan tinggi yang telah menjulang namanya menjadi seorang pujangga Islam yang terkemuka.

(oleh Johari Ahmad)



*Pujangga Iqbal*

### Seni Kesusasteraan Ciptaan Iqbāl

Untuk menulis tentang seni kesusasteraan Iqbāl saya sangat menyedari akan kelemahan saya yang lebih dahulu saya akui bahawa tidaklah dapat saya melakukan satu penyelidikan yang tegas dan dalam mengenai seluruh seni kesusasteraan ciptaan Iqbāl oleh kerana semua syair-syairnya adalah tertulis di dalam bahasa Urdu dan Parsi – sayang sekali pengetahuan saya tentang bahasa Urdu dan Parsi ini tak ada langsung ingin benar saya mempelajari dua-dua bahasa ini- tetapi bilakah ajan diperolehi entahlah- Tuhan nanti menentukan, dalam pada itu terjemahannya di dalam bahasa Arab adalah amat sedikit sekali dapat kita beli di tanah air kita, ingin benar saya memiliki buku-buku bahasa Arab itu untuk mendalami penyelidikan ini, hanya apa yang sempat saya baca ialah terjemahannya sahaja di dalam bahasa kita (Indonesia) berkat usaha Tuan Muhammad Natsir, B. Ranggoti, dan kerja yang bersungguh-sungguh berfaedah yang telah

dilaksanakan oleh “Lembaga Kebudayaan Indonesia-Pakistan” pada 25 April 1952 di Jakarta.

Jadi, tuan-tuan pembaca- walau bagaimanapun indahnyanya terjemahan-terjemahan itu tentulah tidak akan sama dengan ciptaan asli namun bagaimanapun kita sangatlah berbangga serta bersyukur dengan hasil usaha orang-orang ini.

Saya telah membaca beberapa terjemahan syair Iqbāl. Saya membaca “Shikuwā” dan “Jawābī”, “Qurtiba”, “Insan dan alam”, “Pesan kepada manusia”, “Pesan Iqbāl kepada bangsa Timur”. “Kepada Penyair”- dan “harapan kepada pemuda Muslim”. Saya sangat tertarik kepada seni dan keindahan ciptaan-ciptaan ini.

Di dalam syair-syairnya itu saya dapat membuat beberapa kesimpulan daripada apa yang ditujukan Iqbāl dengan syair-syairnya, antaranya:

- 1- Ditulis syair-syairnya itu kepada kaum Muslimin Pakistan khasnya dan umat Muslimin sedunia

amnya supaya mengingati kembali di mana letaknya  
kelemahan kita, cara memperbaiki kelemahan  
itu, sambil tidak lupa pula ia memperingati  
hasil usaha pembangunan Islam dalam masa kejayaannya.

II- Dia menyeru kepada umat Islam, supaya mengenal  
dirinya sendiri, kenal peribadi Muhammad itu  
sendiri, kenal Islam dan al-Quran (*'izzatu al-nafs*).

III- Memperbaharui azam umat Islam di dalam seluruh  
“daya cita-citanya” dan meyakinkan bahawa kemenangan  
tetaplah akan tiba juga (*quwwatu al-‘azam wa al-irādat*).

IV- Amnya syair-syair Iqbāl ini ditujukan kepada  
pendidikan rohani, ke-Tuhanan yang Esa, dan  
nur keimanan yang diserukan oleh al-Quran  
al-Karim (*al-ḥath ‘alā al-tarbiyyah al-islāmiyyah du‘āhā  
al-qur’an al-karīm*).

Keempat-empat kesimpulan secara kasar yang saya  
bawakan ini dapatlah diselami di dalam seluruh  
syair-syairnya, dan untuk lebih menyenangkan para pembaca  
marilah saya bawakan terjemahan syair-syairnya,  
serta membuat sedikit kupasan di atasnya  
berdasarkan kesimpulan besar tadi:  
Mari dengar “shikuwā dan jawābī” (pertanyaan  
dan jawapan).

Shikuwā:

(1) Dunia gelap gelita.

Yang kuasa hanya patung dan berhala.

Buatan tangan Si Penyembah itu.

Dari kayu dan batu.

Falsafah Yunan tak berpengaruh lagi.

Hukum Rom telah bankrup rugi.

Hikmat benua China- telah padam lena-

tetapi.

Bahu Muslim yang kuat, telah membongkar

---

\* Di dalam Arabnya: “Shakuwā” maknanya “  
pengaduan”- P.Q.



*Muhammad Natsir bekas Perdana Menteri Indonesia  
dan pemimpin Partai Masyumi pada hari ini.*

\* \* \*

*Al-ḥād*, dari seluruh jagat.

Telah memancarkan sinar baharu, tawhid  
dan ittihād.

Di dalam rangkaian sajak ini sahaja, tuan-tuan pembaca-  
terang dan jelas ke mana yang dibawa Iqbāl, digambarkannya alam  
Jahiliyyah, patung dan berhala menjadi Tuhan, tetapi sayang  
itu buatan manusia belaka, yang mereka reka dari kayu dan  
batu. Terang dalam sejarah- setelah Islam datang- bangsa Yunan  
sudahlah terkandas, Rom kalah, Parsi hilang kegagahannya.  
Sedang bangsa-bangsa inilah yang termasyhur sebagai bangsa-bangsa gagah  
perkasa menjajah benua Arab sebelum Islam.

Terang di dalam sejarah: Bangsa Arab terjajah  
kerana syiriknyanya dengan tawhid Tuhan, kerana dasar pecah belahnya.  
Demi manakala Islam datang dan Nabi Muhammad membawa Nur Ilahi,  
terbongkarlah segala rupa syirik itu dari seluruh alam  
ini, terpancarlah sinar baharu- sinar tawhid dan kembalilah

umat bersatu padu.

(II) (Pada waktu itu):

Ya Ilahi, kebun-kebun dan alam telah kehilangan nyanyi.

Dan bunga tidak lagi menyebarkan harumnya.

Kalau ada angin menderu, hanya pancaroba.

Kalau ada suara terdengar-hanyalah suara guruh

tohor.

Abad Jahiliyyah-menimbulkan angkara, dunia telah hilang seluruh kegembiraannya, suasana bukanlah makin aman, terdengar

khobar- tetapi bukanlah khabar gembira, terdengar suara

keamanan tetapi sebenarnya semata-mata suara peperangan.

Iqbāl mengadu kepada Tuhan, walaupun perkaranya sudahlah lepas, tetapi umat Muhammad memang demikian, selalu mengingati perkara lama sebagai perbandingan.

(III) Sampai datang utusan Tuhan di negeri Mekah

itu dia “*amā*” tetapi dia telah mengajar

isi Bumi.

akan erti kehidupan di langit.

Dia telah menunjukkan kepada isi alam.

Apa ertinya fana di dalam menuju yang baqā’.

Tegasnya Iqbāl mengatakan bahawa rahmat Tuhan tidaklah akan terputus daripada hambanya, datanglah Muhammad di tengah-tengah Musyrikin

Quraisy di negeri Mekah, dia adalah yatim, tak pandai menulis

dan membaca, tetapi dialah manusia ulung mengajar seluruh

buana ini akan apa ertinya “kehidupan” yang diredhai

Tuhan, yang didoakan oleh malaikat di langit, yang dipandang oleh

Adam dengan tersenyum gembira ketika melihat sebelah kanan di malam

Mi’raj, dan yang diserukan oleh sekalian Rasul-rasul yang

dibangkitkan Tuhan ke alam buana.

Dialah, dia Muhammad yang mengajarkan manusia apa ertinya

fana, dan apa akan jadi dunia dan kekayaan ini kalau tidak

disertakan dengan amal kebajikan yang baik. Dialah yang

mengajarkan manusia bahawa segala sesuatu di dalam dunia ini

adalah kepunyaan Tuhan, semuanya akan lebur binasa sujud

di bawah kebesaran Allah semata-mata.

Akhirnya dikatakannyalah bahawa setelah bangsa-bangsa di dunia ini

memeluk Islam, mengenal pengajaran Muhammad itu hingga ke akarnya, mereka semua jadi kuat semula, dan harumlah sejarah umat Muslim ini.

Maka kamilah yang harum di dalam kebun itu.

Kami hapuskan tanda kegelapan malam, dengan sinar cahaya subuh.

Sehingga iman kami telah laksana kefanaan orang yang asyik.

Kami hadapi seluruh kemanusiaan- Ya Tuhan

dengan NurMu.

Dalam saat yang singkat- selonjak bola melayang, untuk mengenal kebenaran-cahaya dan keindahan.

Dunia ketika itu penuh dengan bangsa-bangsa dan kerajaan Saljoki, Turani dan China.

Ada kerajaan Bani Sāsān.

Ada peninggalan Rom dan Yunan

Maka kami kibarkanlah bendera “tawhid”.

Kami kumpulkan segala anak manusia turunan

demi turunan.

Dalam satu kekeluargaan.

Percaya akan Engkau, mentawhidkan Engkau.

Kami perbaiki yang rosak, kami tegakkan

yang cenderung.

Kami pun berjuang di darat dan di laut.

Mengganti suara azan kami di pasir Sahara Afrika.

Kami tidak takut kepada qisar, atau kekuasaan

adikara.

Atau kemarahan Raja-raja,

Kami perdengarkan kepada alam seluruhnya.....

kalimah tauhid.

Kesetiaan Şiddīq- keadilan ‘Umar, mashaf ‘Uthmān,

taqwa ‘Alī, kejujuran Sulaymān

(sambungannya pada muka 23)